

Trafik jadi sesak akibat air bertakung

RAWANG - Kekerapan air bertakung selepas hujan sejak Mac lalu di Jalan Batu Arang-Rawang berhampiran Emerald East di sini menyebabkan halangan trafik sering berlaku.

Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, sistem saliran kecil dan tersumbat antara faktor jalan dua lorong itu sering dinaiki air setiap kali hujan.

Menurutnya, sebagai penyelesaian jangka masa pendek, pihaknya telah menyarankan pihak Jabatan Kerja Raya Gombak untuk menjalankan penyelenggaraan saliran yang bermula serta-merta.

"Baru-baru ini trafik sesak apabila sebahagian jalan ditakungi air menyebabkan kenderaan dari kedua-dua arah terpaksa berkongsi satu lorong.

"Dalam jangka masa panjang, kita berharap peruntukan naik taraf pelebaran saliran diluluskan bersesuaian dengan kepadatan penduduk di kawasan tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu menurutnya, pihaknya telah meminta agensi terlibat menyemak status pembangunan di atas rizab tanah kerajaan yang diusahakan tanpa kebenaran kurang 50 meter dari lokasi.

"Mendapan tanah antara faktor sistem saliran di kawasan tersebut tersumbat dan aktiviti tambak tanah dikesan diusahakan sejak tahun lepas, difahamkan dalam perhatian pihak berwajib.

"Dalam masa sama kita berharap penyelenggaraan sistem saliran di sepanjang jalan persekutuan itu dilakukan lebih kerap sementara menunggu peruntukan naik taraf saliran diluluskan," katanya.



Keadaan jalan raya yang sesak akibat air sering bertakung selepas hujan di Jalan Batu Arang-Rawang berhampiran Emerald East.